



## KALENDAR KEWANGAN FINANCIAL CALENDAR

4 Mei / May 1999

Mesyuarat Agung Tahunan ke 14.  
14th Annual General Meeting.



14 Jun / June 1999

Tarikh pembayaran dividen pertama dan terakhir sebanyak 10.0 peratus tolak 28 peratus cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1998.  
Date of payment of the first and final dividend of 10.0 percent less 28 percent tax for the financial year ended December 31, 1998.

17 Ogos / August 1999

Pengumuman keputusan interim yang disatukan yang belum diaudit bagi enam bulan berakhir 30 Jun 1999.  
Announcement of unaudited consolidated interim results for the six months ended June 30, 1999.

26 November / November 1999

Pengumuman keputusan suku tahun ketiga yang disatukan yang belum diaudit bagi sembilan bulan berakhir 30 September 1999.  
Announcement of unaudited consolidated 3rd quarter results for nine months ended September 30, 1999.

29 Februari / February 2000

Pengumuman keputusan yang disatukan yang telah diaudit dan dividen yang dicadangkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1999.  
Announcement of audited consolidated results and the proposed dividend for the financial year ended December 31, 1999.

21 April / April 2000

Pengeluaran notis Mesyuarat Agung ke 15, Notis Pembayaran Dividen dan Penutupan Buku dan Laporan Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1999.  
Issue of notice of the 15th Annual General Meeting, Notice of Dividend Payment and Book Closure, and Annual Report for the financial year ended December 31, 1999.

9 Mei / May 2000

Mesyuarat Agung Tahunan ke 15.  
15th Annual General Meeting.

23 Mei / May 2000

Penutupan Buku untuk menentukan hak bagi dividen.  
Book Closure for determining the entitlement for the dividend.

19 Jun / June 2000

Tarikh pembayaran dividen pertama dan terakhir sebanyak 10% dikecualikan cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1999.  
Date of payment of the first and final dividend of 10% tax exempt for the financial year ended December 31, 1999.



## MASYARAKAT PRIHATIN CARING SOCIETY

### PRIHATIN TERHADAP PEMEGANG SAHAM / CARING FOR OUR SHAREHOLDERS

4 Mac / March 1999

Telekom Malaysia telah mencatatkan keuntungan Kumpulan sebanyak RM991 juta untuk Tahun Kewangan 1998, iaitu penurunan 45.9 peratus dari tahun 1997. Di peringkat operasi, Kumpulan telah mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM1,669 juta, penurunan sebanyak 29.8 peratus dari tahun 1997. Keuntungan yang lebih rendah ini adalah disebabkan oleh kajian semula ke atas jangkahan aset telekomunikasi, yang menyebabkan pertambahan dalam susut nilai sebanyak RM660 juta pada tahun 1998. Sumbangan keuntungan daripada usahasama luar negara terutama Telkom SA Ltd. dan Ghana Telecommunications Co. Ltd. telah membantu mengatasi kos operasi Kumpulan yang tinggi.

Telekom Malaysia registered a Group profit of RM991 million for the Financial Year 1998, down 45.9 per cent from the profit reported in 1997. At the operating level, the Group registered a profit after tax of RM1,669 million, declining by 29.8 per cent from the profit reported in 1997. The lower profit is mainly due to a revision of the life of telecommunications assets, which resulted in an additional depreciation charge of RM660 million in 1998. The profit contributions from overseas ventures, mainly Telkom SA Ltd. and Ghana Telecommunications Co. Ltd. helped in offsetting the impact of the higher operating costs of the Group.



4 Mei / May 1999

Sotelgui menandatangani perjanjian bersama Pernec Sdn. Bhd. dan Dynac Sdn. Bhd. untuk dua projek bernilai RM19,797,143.46 bagi pensusian dan rangkaian tempatan. Syarikat turut menandatangani perjanjian dengan Alcatel Contracting of Germany untuk projek rangkaian tempatan bernilai USD4,917,856.54. Perjanjian ini membolehkan Sotelgui memasang talian tetap untuk memenuhi pertumbuhan permintaan perkhidmatan telefon di Guinea. Sotelgui merupakan entiti telekomunikasi milik penuh negara di Guinea di mana Telekom Malaysia memegang 60 peratus sahamnya.

Sotelgui signed a contract with Pernec Sdn. Bhd. and Dynac Sdn. Bhd. for two projects worth RM19,797,143.46 for switching and local networks. The company also signed an agreement with Alcatel Contracting of Germany for a local network project amounting to USD4,917,856.54. Through the contracts, Sotelgui will be able to install more fixed lines to cater for the growing demand for telephone services in Guinea. Sotelgui is a state owned telecommunications entity in Guinea in which Telekom Malaysia holds a 60 per cent stake.

4 Mei / May 1999

Telekom Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke 14 dengan mengisyiharkan peningkatan sebanyak 11.4 peratus dalam hasil kendalian Kumpulan. Perkhidmatan telefon talian tetap perniagaan dan kediaman terus menjadi penyumbang utama kepada keuntungan sebanyak 78 peratus daripada jumlah hasil kendalian pada tahun 1998 dan sumbangan telefon bergerak meningkat kepada 9 peratus sementara litar suwa telah menyumbang sebanyak 7 peratus.

Telekom Malaysia held its 14<sup>th</sup> Annual General Meeting by announcing an increase of 11.4 per cent growth in group operating revenue. Business and residential fixed line telephony continue to be the major contributors to profits at 78 per cent of total operating revenue in 1998 and the contribution of mobile increased to 9 per cent, while leased lines contributed 7 per cent.





## PRIHATIN TERHADAP KAKITANGAN / CARING FOR OUR EMPLOYEES

| 30 Jan /Jan 1999

Seramai tiga ribu anggota Telekom Malaysia di sekitar Lembah Klang telah berkumpul di Wisma Telekom, Jalan Pantai Baharu untuk meraikan sambutan Hari Raya. Majlis ini berjaya memupuk semangat kekitaan antara sesama anggota. Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, YB. Datuk Amar Leo Moggie turut hadir di majlis tersebut.

Three thousand Telekom Malaysia staff from the Klang Valley gathered at Wisma Telekom, Jalan Pantai Baharu to celebrate Hari Raya. The event instilled a sense of belonging and camaraderie. The Minister of Energy, Communications and Multimedia, YB. Datuk Amar Leo Moggie was also present to join in the festivities.



| 9 Julai / July 1999



Seramai 500 anggota Telekom Malaysia dari seluruh negeri telah mengambil bahagian dalam Kejohanan Olahraga Kebangsaan ke-10 yang telah berlangsung di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi, Seremban, Negeri Sembilan. Melalui 48 acara sukan yang telah dipertandingkan, kejohanan ini bertujuan untuk melahirkan semangat bersatu-padu melalui sukan dan pertandingan. Kejohanan ini telah dirasmikan oleh YAB. Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan.

Some 500 employees of Telekom Malaysia from all over the country participated in the Company's 10<sup>th</sup> National Athletics Championship held at the Tuanku Abdul Rahman Stadium in Paroi, Seremban, Negeri Sembilan. Comprising 48 sporting events, the championship was aimed at developing a healthy spirit of unity, through sports and competition. The "Games" were launched by YAB. Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, the Menteri Besar of Negeri Sembilan.

| 20 Julai / July 1999

Dalam usaha untuk menggalakkan anggotanya mengambil kursus profesional untuk pembangunan diri dan kerjaya, Kolej Latihan Telekom telah bekerjasama dengan Open Polytechnic of New Zealand yang menawarkan kursus Diploma Pengurusan dan Perancangan Pemasaran melalui pembelajaran jarak jauh. Seramai 75 orang anggota telah mendaftar untuk menyertai kursus selama 1 ½ tahun yang ditawarkan oleh Politeknik ini, sebuah institusi pembelajaran jarak jauh yang terkenal.

In an effort to encourage its staff to take-up professional courses for personal and career development, Telekom Training College has linked with the Open Polytechnic of New Zealand to offer a Diploma course in Marketing Strategy and Management through distance learning. A total of 75 staff have enrolled in the 1 ½ year course offered by the Polytechnic, a renowned institution for distance learning programmes.





31 Julai / July 1999

Seramai 166 anggota telah diraikan di majlis Skim Persaraan Sukarela di Menara Kuala Lumpur sebagai menghargai perkhidmatan dan kesetiaan mereka terhadap syarikat. Skim tersebut telah diperkenalkan bagi memberi peluang kepada anggota yang ingin memilih untuk bersara awal. Dato' Ir. Md. Radzi bin Mansor, Pengurus Telekom Malaysia telah menyampaikan cek kepada anggota-anggota.

A total of 166 employees were feted at a Voluntary Separation Scheme ceremony in Menara Kuala Lumpur held in gratitude of their service and loyalty to the Company. This scheme was introduced to give the employees an opportunity to consider early retirement. Dato' Ir. Md. Radzi bin Mansor, the Chairman of Telekom Malaysia presented the cheques to the employees.



23-25 November / November 1999

Hampir 400 peserta telah menghadiri Konvensyen Kebangsaan TCS ke-4 Telekom Malaysia yang telah diadakan di Kolej Latihan Telekom. Objektif konvensyen tahunan ini diadakan adalah untuk meningkatkan produktiviti dan mengiktiraf prestasi dan produktiviti anggota Telekom Malaysia yang telah melibatkan diri secara aktif dalam program TCS.

Konvensyen selama tiga hari ini juga telah menyaksikan pengenalan kepada QIT dan QCC, perbahasan dan pidato kualiti, sukan berkumpulan dan malam penyampaian anugerah.

Close to 400 participants attended Telekom Malaysia's 4<sup>th</sup> Total Customers Satisfaction (TCS) National Convention held at its Telekom Training College. Held annually, the objectives of the convention are to enhance productivity and recognise the performance and productivity of Telekom Malaysia's staff who actively participate in TCS programmes. The three-day Convention also saw the introduction of QIT and QCC presentations, debates and speeches on quality, team-building games and an awards presentation dinner.



25 November / November 1999

Dato' Ir. Md. Radzi bin Mansor, Pengurus Telekom Malaysia telah melancarkan "Group Living Benefit Scheme No. 2188" yang dianjurkan oleh Kesatuan Pekerja Telekom Malaysia (NUTE). Skim ini diperkenalkan untuk melindungi hak-hak dan kepentingan anggota Telekom Malaysia. Pada majlis yang sama NUTE dan Great Eastern Assurance (M) Bhd. telah menandatangani perjanjian bagi menyediakan skim ini. NUTE telah diwakili oleh Encik Mohamed Shafie BP Mammal, Presidennya sementara Encik Alex Foong Soo Hah, Pengarah/Ketua Eksekutif mewakili syarikat insuran.

Dato' Ir. Md. Radzi Mansor, Chairman of Telekom Malaysia launched the "Group Living Benefit Scheme No.2188" organised by the National Union of Telekom Employee (NUTE). The scheme was introduced to protect the rights and interests of Telekom Malaysia employees. At the same event, NUTE and Great Eastern Life Assurance (M) Bhd. signed an agreement to provide for this scheme. At the signing, NUTE was represented by its President, Encik Mohamed Shafie BP Mammal while Mr. Alex Foong Soo Hah, Director/Chief Executive represented the insurance firm.





2 Disember / December 1999




Dalam usahanya untuk membantu anggota Telekom Malaysia yang kurang berkemampuan, TIARANITA iaitu Persatuan Isteri-isteri dan Anggota Wanita Telekom Malaysia, yang diketuai oleh Datin Wira Sophia Abu, isteri kepada Datuk Wira Mohamed Said bin Mohamed Ali, telah menyumbang RM105,750.00 untuk perbelanjaan sekolah bagi tahun 2000. Bantuan telah diberikan kepada anggota yang berpendapatan rendah dan mempunyai ramai anak yang masih berasekolah. Sejumlah 334 anggota telah menerima bantuan ini.

In fulfilling its aim to assist Telekom Malaysia's needy employees, TIARANITA, the Association of Wives and Female Employees of Telekom Malaysia, headed by Datin Wira Sophia Abu, wife of Datuk Wira Mohamed Said bin Mohamed Ali, contributed RM105,750.00 for school expenses for the year 2000. It was given to employees who were in the lower income bracket and had many schoolgoing children. A total of 334 employees received the aid.

3-4 Disember / December 1999

Telekom Malaysia telah mengadakan Majlis Tilawah Al-Quran kali ke-13 dan Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan di Taiping, Perak. Majlis dua hari ini bertujuan menggalakkan umat Islam memahami secara lebih mendalam mengenai ajaran Islam dan telah disertai oleh seramai 28 orang qari dan qariah bagi kategori dewasa dan kanak-kanak. Para peserta terdiri daripada wakil pejabat-pejabat Telekom Malaysia seluruh negara.

Telekom Malaysia held its 13<sup>th</sup> National 'Tilawah Al-Quran' and 'Tahfiz Al-Quran' at Taiping, Perak. The 2-day event, aimed at encouraging the Islamic society to become well-versed with the teachings of Islam, saw a total of 28 'qari and qariah' in the adult and children's category respectively. The participants were representatives drawn from Telekom Malaysia offices throughout the country.





## PRIHATIN TERHADAP PELANGGAN / CARING FOR OUR CUSTOMERS

8 Mac / March 1999

Pusat Telemarketing atau "pusat outbound" telah ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik, mengendalikan kajian pasaran dan mengadakan beberapa kempen seperti Kempen "Win-Back". Pusat ini turut menjalankan beberapa aktiviti promosi untuk produk dan perkhidmatan Telekom Malaysia. Dirasmikan oleh Datuk Wira Mohamed Said bin Mohamed Ali, Ketua Eksekutif Telekom Malaysia, Pusat Telemarketing ini bertujuan untuk memberi satu dimensi baru kepada perkhidmatan pelanggan.

The Telemarketing Centre or the "outbound centre" was set up to provide better customer service, conduct market research and carry out campaigns such as "Win-Back" Campaign. The Centre also undertakes promotional activities for Telekom Malaysia's products and services. Launched by Telekom Malaysia's Chief Executive, Datuk Wira Mohamed Said bin Mohamed Ali, the Telemarketing Centre aims to lend a new dimension to customer service.



4 April / April 1999

Telekom Malaysia melancarkan perkhidmatan TMWill – perkhidmatan telefon tanpa talian yang menggunakan gelombang bunyi berbeza daripada perkhidmatan biasa untuk menghubungi destinasi-destinasi pilihan. Perkhidmatan baru ini telah dirasmikan di Jeli, Kelantan oleh YB. Dato' Mustapa Mohamed, Menteri Pembangunan Usahawan. TMWill merupakan singkatan bagi "Wireless in Local Loop".

Telekom Malaysia launched its TMWill service – a wireless telephone service which utilises sound waves instead of the usual network to reach the respective destinations. The new service was launched in Jeli, Kelantan by the Minister of Entrepreneur Development, YB. Dato' Mustapa Mohamed. TMWill stands for Wireless in Local Loop.





14 April / April 1999

Pusat Perniagaan Primatel ke-11 Telekom Malaysia telah dibuka dengan rasminya di Kota Kinabalu, Sabah. Dengan menawarkan kemudahan pusat perniagaan setempat, pelanggan korporat dan perniagaan utama boleh melakukan transaksi telekomunikasi di Pusat ini. Lain-lain lokasi adalah di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Ipoh, Pulau Pinang, Alor Setar, Seremban, Melaka, Johor Bahru, Labuan, Miri dan Kuching.

Telekom Malaysia's eleventh Primatel Business Centre was officially opened in Kota Kinabalu, Sabah. Offering the facilities of a 'one-stop' business centre, corporate and major business customers are able to conduct their telecommunications transactions at this location. Other centres are located at Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Ipoh, Pulau Pinang, Alor Setar, Seremban, Melaka, Johor Bahru, Labuan, Miri and Kuching.



10 Julai / July 1999

Sehari Bersama Telekom Malaysia telah memberi peluang kepada pelanggan dan orang ramai untuk mengenali perkhidmatan dan produk-produk Telekom Malaysia. Usaha untuk merapatkan hubungan antara pelanggan dan masyarakat tempatan tersebut adalah merupakan acara tahunan yang telah diadakan di Ayer Keroh, Melaka. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Haji Yasin bin Haji Mohd. Sarif, Pengurus Kerja Raya dan Jawatankuasa Kemudahan Negeri.

"A Day With Telekom Malaysia" proved to be a mind-opener for many public members and customers as they became familiarised with Telekom Malaysia's products and services. In an effort to foster closer relationships with customers and the local community, the once-a-year event was held in Ayer Keroh, Melaka. It was officially launched by Chairman of the Public Works and Utilities State Committee, YB. Dato' Haji Yasin bin Haji Mohd. Sarif.



## PRIHATIN TERHADAP MASYARAKAT / CARING FOR OUR COMMUNITY

4 - 14 Februari / February 1999

Le Tour de Langkawi '99, acara lumba basikal terbesar di Asia kini telah mendapat pengiktirafan dunia. Seperti tahun-tahun sebelumnya, Telekom Malaysia telah menyumbangkan RM6 juta termasuk penyediaan kemudahan dan perkhidmatan telekomunikasi.

Le Tour de Langkawi '99, the biggest cycling race in Asia is slowly gaining world recognition. Like in the previous years, Telekom Malaysia pledged RM6 million including the provision of telecommunication facilities and services.



13 Februari / February 1999

Seramai 90 anak-anak yatim telah diraikan sempena sambutan Hari Raya di Menara Kuala Lumpur dalam satu majlis yang dianjurkan oleh BAKIT dan TIARANITA. Anak-anak yatim yang berusia antara 1 hingga 18 tahun ini telah menerima wang tunai sebanyak RM50.00 dan cenderamata. Sumbangan telah disampaikan oleh Datin Wira Sophia bt. Abu, Yang DiPertua TIARANITA.

Hari Raya at Menara Kuala Lumpur for 90 orphans was made a memorable occasion by BAKIT and TIARANITA. The orphans, aged between 1 to 18 years, received RM50.00 each and souvenirs. The contributions were presented by Yang DiPertua of TIARANITA, Datin Wira Sophia bt. Abu.





9 Mei / May 1999



Telekom Malaysia telah menyumbangkan sebanyak RM100,000.00 kepada Persatuan Tenis Berkerusi Roda sebagai tanda sokongan kepada Kejohanan Tenis Berkerusi Roda Antarabangsa yang diadakan di Malaysia. Kejohanan ini telah mengumpulkan juara-juara tenis berkerusi roda dari seluruh dunia.

Telekom Malaysia contributed RM100,000.00 to the Malaysian Wheelchair Tennis Association in support of the International Wheelchair Tennis Tournament held in Malaysia. The tournament brought together wheelchair tennis champions from all over the world.

29 Ogos / August 1999

Perayaan dan Perarakan Hari Kebangsaan ke-42 telah diadakan dengan jayanya pada 29 Ogos bertempat di Bangsar. Dirasmikan oleh YAB Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri. Seramai 10,000 pelajar sekolah dan para remaja telah mengambil bahagian dalam sambutan ini. Bertujuan untuk menanam semangat patriotik di kalangan generasi muda, Telekom Malaysia telah menyumbangkan sebanyak RM100,000.00 bagi memastikan kejayaan majlis ini.

The 42<sup>nd</sup> National Day Parade and Festival was held in splendour on 29 August in Bangsar. Officiated by the Prime Minister, YAB Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, 10,000 school children and youth took part in the celebration. Aimed at instilling a sense of patriotism among the younger generation, Telekom Malaysia contributed RM100,000.00 to make the event a success.





## MAKLUMAT UNTUK PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR SHAREHOLDERS AND INVESTOR INFORMATION

### PENDAFTAR

Tenaga Koperat Sdn. Bhd. (11801-V)  
Tingkat 21, IGB Plaza  
Jalan Kampar  
Off Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

Tel: 03-441 6522  
Fax: 03-442 6352

### PENYENARAIAN

Saham-saham Syarikat telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur di Malaysia.

### CUKAI KE ATAS DIVIDEN DI MALAYSIA

Dalam pembahagian dividen-dividen, Malaysia mengamalkan satu sistem di mana cukai pendapatan yang dibayar oleh syarikat adalah diambil kira di dalam dividen yang dibahagikan kepada pemegang-pemegang saham.

Cukai pendapatan di Malaysia adalah ditolak atau dianggap telah ditolak pada kadar cukai korporat semasa iaitu sebanyak 28% dari dividen-dividen yang dibayar oleh syarikat yang bermastautin di Malaysia. Cukai pendapatan yang telah ditolak atau dianggap telah ditolak dari dividen adalah diambil kira di dalam cukai pendapatan syarikat.

Cukai ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran 1999 telah dikecualikan. Amaun yang bersamaan dengan pendapatan yang boleh dikenakan cukai di mana cukai telah dikecualikan telah dikreditkan ke dalam akaun pengecualian pendapatan, di mana dividen yang telah dikecualikan boleh dibayar kepada pemegang-pemegang saham. Tiada cukai lain atau cukai pegangan keatas pembayaran dividen kepada semua pemegang saham.

Laporan Tahunan ini boleh diperolehi oleh orang ramai yang bukan pemegang saham Syarikat dengan menulis kepada:

Ketua, Perhubungan Korporat  
TELEKOM MALAYSIA BERHAD (128740-P)  
Tingkat 1, Ibupejabat Telekom Malaysia,  
Jalan Pantai Baharu,  
50672 Kuala Lumpur.  
Fax: 03-757 4747

### REGISTRAR

Tenaga Koperat Sdn. Bhd. (11801-V)  
21st Floor, IGB Plaza  
Jalan Kampar  
Off Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

Tel: 03-441 6522  
Fax: 03-442 6352

### LISTING

The Company's shares are listed on the Kuala Lumpur Stock Exchange in Malaysia.

### MALAYSIAN TAXES ON DIVIDEND

Malaysia practised an imputation system in the distribution of the dividends whereby the income tax paid by a company is imputed to dividends distributed to shareholders.

Malaysian income tax is deducted or deemed to have been deducted at corporate tax rate which is currently at 28% from dividends paid by a company residing in Malaysia. The income tax deducted or deemed to have been deducted from dividend is accounted for by the income tax of the company.

Tax on chargeable income for year of assessment 1999 has been waived. An amount equal to the chargeable income upon which the tax was waived was credited to an exempt income account, from which exempt dividends can be paid to shareholders. There is no further tax or withholding tax on the payment of dividends to all shareholders.

The Annual Report is available to the public who are not shareholders of the Company, by writing to:

Head, Corporate Communications  
TELEKOM MALAYSIA BERHAD (128740-P)  
1st Floor, Ibupejabat Telekom Malaysia,  
Jalan Pantai Baharu,  
50672 Kuala Lumpur.  
Fax: 03-757 4747